

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI (JELUTONG)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [ JELUTONG ] minta  
MENTERI KANAN KERJA RAYA menyatakan adakah Kerajaan  
Persekutuan bercadang untuk membina Jambatan Pulau Pinang ketiga.**

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini tiada cadangan untuk membina Jambatan Pulau Pinang ketiga buat masa ini. Berdasarkan Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2030 (HNDP 2030), keperluan pembinaan *link* ketiga menghubungkan Pulau Pinang dengan tanah besar adalah dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas (RMKe-13). Kementerian akan meneliti dan mengkaji keperluan projek ini daripada pelbagai aspek bagi menentukan kesesuaian pelaksanaannya.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN (BERTULIS)  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN (BERTULIS)**

**DARIPADA : YB TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L  
RAJAJI (JELUTONG)**

**SOALAN**

**TUAN SANISVARA NETHAJI RAYER A/L RAJAJI [JELUTONG]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk memindahkan Penjara Pulau Pinang ke Seberang Perai Selatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penjara Pulau Pinang telah wujud sejak abad ke-19 dan pada tahun 2009, Penjara Pulau Pinang telah ditukarkan nama kepada Penjara Reman Pulau Pinang selepas pembukaan Kompleks Penjara Seberang Perai.

Memandangkan Penjara Reman Pulau Pinang tersebut bertapak di tanah Kerajaan Negeri, buat masa ini pihak Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia tidak mempunyai perancangan untuk memindahkan penjara tersebut ke Seberang Perai Selatan. Namun begitu, memandangkan Penjara Reman Pulau Pinang telah diwartakan sebagai bangunan warisan yang perlu dipelihara dan ia di bawah seliaan Jabatan Warisan Negara, Jabatan Penjara Malaysia telah membuat perancangan penambahbaikan dan penyelenggaraan bangunan penjara termasuk kuarters kakitangan yang berada di tapak yang asal.